

U B692 DEB
MAHATHIR - KEJUJURAN
(I)

KUCHING, 31 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENINGATKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI BAHAWA KEJAYAAN DAN KEAGUNGAN UMMAH BERGANTUNG KEPADA KEJUJURAN SESEORANG ISLAM TERHADAP DIRINYA, KELUARGA, MASYARAKAT, KERJAYA, MAJIKAN DAN NEGARA.

KEJUJURAN SEUMPAMA ITU AMAT PENTING SELAIN MENUNTUT ILMU DENGAN SELUAS-LUASNYA, KATANYA DALAM PERUTUSAN PADA BUKU PROGRAM CENDERAMATA UJIAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI MALAM INI.

MENGENAI TEMA +KEMAJUAN DAN KEAGUNGAN UMMAH+ BAGI UJIAN MEMBACA QURAN TAHUN INI, BELIAU BERHARAP IA AKAN MENIMBULKAN KESEDARAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI MENGENAI USAHA DAN KERAJINAN SEBAGAI SATU CARA MENCAPAI KEMAJUAN DAN KEAGUNGAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA ISLAM MENGGALAKKAN UMATNYA MENCAPAI TINGKATAN KEROHANIAN YANG TINGGI DAN MENGHARAPKAN KEBAHAGIAAN DI AKHIRAT MELALUI ILMU DALAM PELBAGAI BIDANG DAN MENGAMALKANNYA UNTUK MENDAPAT KEREDAAN ALLAH.

BELIAU BERHARAP UJIAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN TAHUN INI AKAN DAPAT MENINGKATKAN DAN MEMPERKUKUHKAN LAGI SYIAR DAN AJARAN ISLAM DI NEGARA INI SELAIN MEMBIMBING UMAT ISLAM KE JALAN YANG DIREDAI ALLAH. -- LAGI
1532MST 31 03 88

U B693 DEB
MAHATHIR - KEJUJURAN 2 KUCHING
(I)

KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, YANG JUGA PENERUSI JAWATANKUASA KERJA UJIAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN TAHUN INI, DALAM PERUTUSANNYA BERKATA BAHAWA SUDAH TIBA MASANYA BAGI UMAT ISLAM MENIKMATI SEMULA KEMAJUAN DAN KEAGUNGANNYA.

+KITA HENDAKLAH MENCAPAINYA TANPA DISKRIMINASI, MENGGUGAT ATAU MENIMBULKAN KESUSAHAN KEPADA ORANG LAIN DALAM USAHA MENGEKALKAN KEBENARAN DAN MENGHAPUSKAN KEMUNGKARAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA INILAH SAJA CARANYA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF ITU DENGAN IZIN ALLAH DAN MENIMBULKAN KESEDARAN DI KALANGAN UMMAH TENTANG KEBESARAN ALLAH.

BELIAU JUGA BERKATA MAJLIS UJIAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ QURAN MERUPAKAN SATU DETIK BERSEJARAH YANG DIADAKAN SEMASA NEGERI INI MERAYAKAN 25 TAHUN KEMERDEKAANNYA DALAM MALAYSIA TAHUN INI, SELAIN MENGGALAKKAN UMAT ISLAM MENGHAYATI AJARAN ISLAM DEMI KEMAJUAN DAN KEAGUNGAN MEREKA.

PENERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR PUSAT, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN HAJI MOHD ISA, BERKATA BAHAWA PERPADUAN UMMAH YANG BERASASKAN IMAN SETIAP INDIVIDU MUSLIM YANG DIPELIHARA DENGAN MENGHAMBAKAN DIRI SEPENUHNYA KEPADA ALLAH MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR YANG AMAT PENTING BAGI KEAGUNGAN UMMAH.

-- BERNAMA
1539MST 31 03 88